

TEPAT & TERKINI



**KERTAS PERSEDIAAN
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK**

Berdasarkan




Tingkatan

2

KSSM

JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Bahasa Melayu (02)



1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

MODEL

UJIAN AWAL TAHUN Tingkatan 2

Bahasa Melayu (02/1)

1 jam 30 minit

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 15	15	
B	1	2	
	2	2	
	3	4	
	4	2	
	5	10	
	6	10	
C	1	15	
Jumlah		60	

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Budak perempuan itu menangis _____ kerana disengat lebah semasa bermain di belakang rumah datuknya.
 A kekecewaan
 B kesedihan
 C kekesalan 后悔
 D kesakitan 被叮 bee
- 2 Puan Nadira _____ sedulang minuman untuk tetamu yang berkunjung ke rumahnya.
 A mengangkat
 B menjulang 举高
 C menatang
 D mengelek 用 ketiak 夹住

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- 3 I Hujan yang turun pada petang semalam *berat* sungguh.
 II *Berat* timun di dalam bekas itu melebihi tiga kilogram.
 III Tanggungjawab yang diberikan kepada mahasiswa itu terlalu *berat* untuk dipikulnya.
 IV Sesetengah orang makan makanan *berat* pada waktu pagi untuk menambahkan tenaga.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 4 I Aina tidak *kering* ilmu walaupun dia antara murid yang pintar di kelasnya.
 II Penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman itu tidak pernah *kering*.
 III Cuaca panas pada hari ini menyebabkan tekak Zafril berasa *kering*.
 IV Pakaian yang dijemur oleh Wen Ying sudah *kering*.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

berat — 重量
 — 主食
 — 严重 masalah ini agak berat.

kering — 干的衣服
 — 没有水分的干
 — 干燥 cuaca kering
 — 食物太干

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Tujuan Karnival Jom Sihat diadakan ialah untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan menjaga kesihatan diri.
- A ialah untuk memberi
 - B adalah untuk memberikan
 - C adalah untuk pemberian
 - D ialah untuk memberikan
- 6 Kebanyakan penduduk-penduduk di Kampung Desa Permai memberikan sokongan terhadap aktiviti pembangunan di kampung mereka.
- A Kebanyakan penduduk
 - B Banyak-banyak penduduk
 - C Banyak penduduk
 - D Kebanyakan penduduk-penduduk
- kebanyakan 大多数
*记: kebanyakan 后面不可有双叠词

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Doktor Ravi (mengenakan bayaran) yang berpatutan kepada pesakit yang mendapatkan rawatan di kliniknya. 征收费用 治疗
- II Pameran komputer itu akan diadakan lagi di kampung kami sekiranya mendapat sambutan daripada penduduk. 反应
- III Beberapa usul-usul akan dikemukakan dalam mesyuarat itu untuk mengatasi masalah pencemaran sungai. 起源 被提出 解决
- IV Masyarakat diingati agar mendapatkan nasihat daripada ahli farmasi bila membeli ubat-ubatan.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 8 I Dua orang pemuda sedang memasang (kain rentang) Program Jom Sihat pada pintu gerbang. 布条 大门
- II Beberapa orang guru dan murid sekolah saya bergotong-royong membina pondok bacaan.
- III Peti sejuk yang rosak itu telah dibaiki oleh Pak Cik Zainal semalam.
- IV Semua peserta-peserta kem (jati diri) telah berkumpul di padang. 自己的
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Program motivasi itu banyak membantu murid untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan yang lepas. 提升 成绩
- A Pencapaian murid semakin meningkat sejak program motivasi itu diadakan.
 - B Keputusan peperiksaan yang lalu meningkat kerana adanya program motivasi.
 - C Peningkatan pencapaian murid dalam peperiksaan yang lalu banyak dibantu oleh program motivasi itu.
 - D Peperiksaan yang lalu dapat ditingkatkan keputusannya jika murid menyertai program motivasi itu.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Ayah berpesan kepada kami supaya membudayakan amalan membaca dalam kehidupan seharian untuk menambahkan ilmu pengetahuan.

Apakah kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas?

- A Bahasa jiwa bangsa 语言是民族的灵魂
- B Membaca jambatan ilmu
- C Otak cerdas, badan cergas
- D Bahasa menunjukkan bangsa 语言反映出一个人的品格.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Saya yakin sungguh. Benar-benar yakin! Ibu tua itu tidak jauh sebab saya ingin sangat-sangat hendak mendekatinya. Pasti kerinduan pada anak-anaknya amat menikam, sehingga hati saya telah merasai bisanya. Ya Allah, peritudahkanlah saya untuk mencari rumah yang memberi perlindungan kepada tubuh tua itu, dalam suasana banjir di kawasannya telah sampai ke paras dada. Saya dapat *menyentuh* (*kecutnya hati*) dia setelah tiga hari sebahagian daripada rumahnya direndam kesejukan.

Sesak nafas saya, merasai cunap harapannya yang telah lemas di atas tadahan tangan sehingga tidak mampu ditahan lagi. Lalu dia membiarkan harapan itu ditenggelami kesuntukan masa anak-anak yang amat dirindui. Ingin benar saya satukan rindu yang sarat dari tubuh bernafas tua itu dengan rindu yang (*mencengkam sukma*) ini, sejak emak saya dibawa pulang oleh Yang Maha Pencipta.

Ya Allah, sejahterakanlah pertemuan dua kerinduan yang amat tidak tertanggung ini!

Saya mencari buku panduan telefon. Alhamdulillah, saya selalu mendapat bantuan Allah dalam setiap usaha. Saya tulis dengan teliti alamat rumah di sisi nombor telefon yang tertera.

Menarik dan melepas nafas berkali-kali, memang amalan saya apabila berbicara dengan diri. Mengulang lagi dan bertanya hati. Itu pesanan arwah bapa yang sentiasa saya patuhi. Apakah saya benar-benar bersedia untuk menghadapi pertemuan ini?

“Oh, Nek Piah tu memang tak pindah!”

Dipetik daripada cerpen ‘Banjir di Mata Emak’,
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

11 Berdasarkan petikan, rangkai kata *menyentuh kecutnya hati* membawa maksud

- A menjadi kecil.
- B merasai ketakutan.
- C menyinggung perasaan.
- D mengurangkan debaran.

12 Ya Allah, sejahterakanlah pertemuan dua kerinduan yang amat tidak tertanggung ini!

Saya mencari buku panduan telefon. Alhamdulillah, saya selalu mendapat bantuan Allah dalam setiap usaha.

Nyatakan kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A Doa dan usaha itu harus seiring - 样
- B Kesabaran ialah kunci kejayaan
- C Budi yang baik dikenang sepanjang hayat
- D Gagal sekali tidak bermakna gagal selamanya

- 13 Ingin benar saya satukan rindu yang sarat dari tubuh bernafas tua itu dengan rindu yang mencengkam sukma ini, sejak emak saya dibawa pulang oleh Yang Maha Pencipta.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah persoalan yang paling tepat dengan pernyataan tersebut?

- A Kurangnya perhatian daripada anggota keluarga.
 - B Kerinduan yang tiada penghujungnya.
 - C Perasaan simpati terhadap orang lain.
 - D Kasih ibu yang tidak berbelah bahagi.
- 14 Mengapakah “saya” yakin benar bahawa ibu tua itu tinggal tidak jauh daripada tempatnya?
- A “Saya” terlalu ingin mendekati orang tua itu.
 - B Setiap usaha “saya” selalu mendapat bantuan Allah.
 - C “Saya” mengetahui kawasan rumah ibu tua itu dilanda banjir.
 - D Alamat rumah ibu tua itu diperoleh daripada buku panduan telefon.
- 15 Antara pernyataan berikut, yang manakah **benar** tentang petikan?
- A “Saya” sangat merindui ibu tua yang dikenali sebagai Nek Piah.
 - B Banjir di kawasan rumah Nek Piah mencecah ke paras pinggang.
 - C “Saya” mencari alamat rumah Nek Piah di dalam buku panduan telefon.
 - D Sudah tiga hari berturut-turut hujan turun di kawasan tempat tinggal “saya”.